



Pian Hon menunjukkan pelan pembinaan persimpangan bertingkat Seri Kembangan ke Lebuhraya Mex berkenaan.

## Kerja awalan pembinaan terhadap

**SERDANG** – Kerja-kerja awalan pembinaan persimpangan bertingkat Seri Kembangan ke Lebuhraya Mex sudah dilaksanakan, namun terpaksa dilakukan secara terhad berikutan timbul beberapa kekangan.

Penyelaras Parlimen Serdang, Datuk Yap Pian Hon berkata, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan konsesi lebuhraya memaklumkan pihak itu masih menunggu kelulusan Laporan Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Menurutnya, pengambilan tanah bagi lot persendirian juga masih belum diselesaikan dan ketika ini ia masih dalam tindakan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Selangor untuk pewartaan Seksyen 8.

"Kementerian Kerja Raya membuat pengumuman projek berkenaan dengan nilai kos anggaran RM90 juta pada Julai tahun lalu.

"Bagaimanapun, disebabkan tiada kerja di tapak dijalankan, ada segelintir pihak mendakwa kementerian hanya berjanji tetapi tidak melaksanakannya," katanya.

Jelasnya, isu dibangkitkan kemudian dipanjangkan kepada pihak konsesi dan LLM sebelum menerima maklum balas pada 13 Februari lalu.

Dalam surat itu, Pian Hon yang juga Ketua Penerangan Barisan Nasional Selangor berkata, pihak LLM menyata-

**“Kementerian Kerja Raya membuat pengumuman projek berkenaan dengan nilai kos anggaran RM90 juta pada Julai tahun lalu.”**

**Pian Hon**

kan bahawa syarikat konsesi, Maju Espressway Sdn Bhd sudah memulakan kerja pembersihan tapak di bahagian tanah kerajaan yang boleh dimasuki sejak 26 November lalu.

Kerja terpaksa dijalankan secara terhad berikutan wujud dua isu belum selesai iaitu laporan daripada JAS dan proses ambil alih tanah.

"Kementerian umum projek mula hujung tahun lalu dan siap tahun depan tetapi kerana tidak nampak ia dimulakan, segelintir pihak mula berpandangan negatif terhadap hasrat kerajaan menyuraikan kesesakan lalu lintas di sepanjang Jalan Bandar Putra Permai dan Seri Kembangan.

Pian Hon berkata, bagi memastikan projek siap mengikut ketetapan, satu jawatankuasa ditubuhkan untuk memantau dan mendapat maklum balas terkini mengenai projek tersebut sebelum dimaklumkan kepada penduduk.